

## Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia

Siti Zakiah Binti Ali  
E-mel: [sitizakiahali@yahoo.com.my](mailto:sitizakiahali@yahoo.com.my)

Hairunnizam Wahid  
E-mel: [hairun@ukm.my](mailto:hairun@ukm.my)  
Pusat Pengajian Ekonomi,  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Bangi, Selangor

### ABSTRAK

Kejayaan wakaf dalam sesebuah institusi amat perlu kepada urus tadbir yang adil kerana tanggungjawab tersebut adalah amanah. Dengan pengurusan yang adil, dana wakaf mampu membantu mencapai ekonomi berpendapatan tinggi kerana aktiviti wakaf itu sendiri dapat merangsang pertumbuhan ekonomi seluruh masyarakat di Malaysia. Dana wakaf institusi pendidikan tinggi juga adalah salah satu cara yang dapat membantu meningkatkan kebajikan universiti. Kajian ini bertujuan untuk meninjau keperluan kepada satu kaedah pengurusan dana wakaf institusi pendidikan yang baik dari aspek kutipan dan perbelanjaan serta dapat memberikan manfaat dana wakaf yang berterusan dalam jangka panjang. Kajian ini menumpukan kepada model pengurusan wakaf antara IPTA terpilih di Malaysia iaitu UIAM, UKM, USIM dan UPM. Kaedah kajian menerusi kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada artikel dan laporan tahunan, selain temu bual dengan peneraju dana wakaf institusi pengajian tinggi awam dan berdasarkan kepada amalan yang dipraktikkan. Hasil kajian mendapati wujudnya kaedah pengurusan yang baik dari aspek kutipan dan perbelanjaan dan memberikan manfaat yang berterusan kepada sesebuah institusi. Pusat dana wakaf ini juga perlu mewujudkan rangkaian hubungan yang harmoni dengan semua pihak yang terlibat dalam aktiviti wakaf sama ada dengan pihak peringkat negeri, negara dan antarabangsa bagi memastikan matlamat tercapai berdasarkan landasan syariah. Dengan kejayaan dana wakaf institusi pengajian tinggi ini juga boleh membantu mengurangkan bebanan perbelanjaan sesebuah institusi pengajian tinggi. Implikasi penting dalam kajian ini antaranya adalah kewujudan dana wakaf di institusi semakin diakui berdasarkan kepada peranan dan manfaatnya dalam pembangunan pendidikan dalam sesebuah institusi.

Kata kunci: wakaf, endowmen islam, Dana Wakaf ilmu UPM, Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM .

### ABSTRACT

*The success of an institutional endowment is essential to a fair governance because the obligation is trust. The fair management, endowment funds could help achieve high-income economy as charitable activity itself can stimulate economic growth throughout the community in Malaysia. Endowment funds of higher education institutions is also one way to improve the welfare of the university. This study aims to identify the need for a method of managing endowment funds of educational institutions both in terms of collections and expenses and can offer ongoing endowment fund in the long term. This study focuses on endowment management model between selected universities in Malaysia, IIUM, UKM, USIM and UPM. The method of study by means of a library with reference to articles and annual reports, as well as interviews with leading endowment funds and public institutions of higher education based on the duties and practices. The findings showed that management methods both in terms of collection and expenditure and provide sustainable benefits to the institution. Endowment funds centre needed to develop a harmonious relationship network with all parties involved in charitable activities either by the state, national and international levels to ensure goals are achieved based on shariah track. With the success of the endowment funds of higher education institutions can also help lessen the burden of spending an institution of higher learning. Important implications in the study of which is the existence of endowment funds at the institution are recognized based on the role and benefits in the development of education in an institution.*

*Keywords: Waqf, the Islamic endowment, Dana Wakaf Ilmu UPM, Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM.*

## PENDAHULUAN

Peningkatan tahap kemakmuran dan pembangunan Malaysia sejak mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957 amat membanggakan. Proses pembangunan dan kemajuan negara dilakukan secara berterusan dengan perancangan yang teliti bagi menjamin taburan pembangunan dan kemajuan dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat secara adil dan saksama. Berdasarkan kepada beberapa perancangan dan dasar-dasar yang telah ditentukan, kini Malaysia berada dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10). Ia adalah kesinambungan pelan rancangan pembangunan negara jangka sederhana untuk tempoh lima tahun (tahun 2011 hingga 2015). Rajah 1 menunjukkan dalam aspek pendidikan, didapati kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan kepada Kementerian Pendidikan sebanyak RM54.6 bilion pada tahun 2014 atau 20.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan dan ini merupakan satu bajet kewangan yang agak besar (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014). Jadual 1 pula menunjukkan peruntukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2014 bagi institusi pengajian tinggi awam yang meningkat. Pada 2013, perbelanjaan mengurus tersebut sebanyak RM7.28 bilion dan ianya meningkat kepada RM7.31 bilion pada 2014. Justeru dengan kekangan belanjawan yang dihadapi oleh kerajaan, perlu satu strategi lain untuk menampung perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan termasuklah melalui saluran wakaf dalam pendidikan juga memainkan peranan penting dalam merealisasikan RMK-10 terutamanya kepada lima institusi pengajian tinggi yang telah dianugerahkan kuasa autonomi. Ia juga bertujuan bagi mencapai kemakmuran ekonomi dan pembangunan sosial dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama. Ia adalah persediaan bagi mencapai status negara maju dengan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Dengan melahirkan modal insan kelas pertama yang berkualiti serta berpengetahuan tinggi dengan nilai-nilai inovatif dan kreatif, guru terlatih dan berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang berkaitan diperlukan bagi peringkat pendidikan awal hingga ke peringkat tertinggi.

Pendidikan tertinggi merupakan pemangkin bagi melahirkan tenaga-tenaga pakar dan ilmuwan. Oleh yang demikian, peranan institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama. RMK10 telah memberi peluang kepada universiti tempatan untuk mendapatkan autonomi secara berperingkat. Melalui autonomi ini, setiap universiti akan mempunyai kuasa dan hak untuk menjana pendapatan dan mengurus dengan acuan dan kehendak mereka. Pemberian autonomi kepada setiap universiti ini akan dapat mengukuhkan peranan dan meningkatkan prestasi institusi serta mempunyai budaya saing yang sihat, dan ianya akan dipantau oleh pihak kerajaan bagi memastikan mutu dan matlamatnya sejajar dengan landasan pewujudan universiti.

Wakaf juga merupakan salah satu elemen yang penting dalam usaha pembangunan dan memperkasakan sesebuah institusi dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Ianya sejajar dengan RMK10 dengan tujuan agar kemakmuran dan keadilan dapat diagihkan secara saksama. Dengan peningkatan kemajuan dan pembangunan, kos pendidikan semasa juga turut mengalami peningkatan setiap tahun. Perkara ini merupakan salah satu perkara yang memberi kesan kepada kebolehupayaan masyarakat dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh demikian, peranan wakaf dalam pendidikan tinggi adalah penting dalam masyarakat. Berdasarkan kepada faktor sejarah, peranan wakaf telah diperaktikkan dari zaman rasul lagi. Malahan ia telah mula dilaksanakan sejak dari sebelum kedatangan Islam lagi. Telah dibuktikan semasa zaman kerajaan Uthmaniyyah (1299-1924M), satu pertiga daripada pembangunan kota tersebut termasuk jalan raya, bangunan dan perairan adalah dari sumber wakaf (wakaf al-Arsad). Malahan ianya telah bermula semasa kerajaan Abbasiyah (754-1258M), Ayyubiah (1171-1249M), Mamalik (1249-1517M) dan terus hingga kerajaan Uthmaniyyah. Institusi wakaf dalam sesebuah negara juga amat penting kerana berdasarkan kepada peranan dan sumbangan wakaf itu sendiri memberikan impak kepada ekonomi, modal insan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Wakaf juga dikenali sebagai endowmen islam, dan merupakan istilah pewakafan dalam Islam. Perkara ini telah diperaktikkan dari sebelum kedatangan Islam juga yang dikenali sebagai sumbangan amal/*charity*.

Berdasarkan kepada firman Allah sepertimana dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah 2:26 yang bermaksud “*Bandingan orang-orang yang membelanjakan harta-harta mereka pada fisabilillah, seperti sebiji benih yang ditanam tumbuh tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai keluar seratus biji benih lagi dan Allah akan menggandakan lagi bagi sesiapa yang ia kehendaki dan Allah Maha Luas Rahmat-Nya lagi Maha Mengetahuī*”

Manakala ianya turut dinyatakan dalam Hadith Sahih Riwayat Muslim dengan maksudnya “*Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. telah bersabda: Apabila mati seseorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara, sedekah jariah atau ilmu yang dapat dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya*” dan “*Sedekah jariah*” di dalam hadis ini, ditafsirkan oleh para ulama’ sebagai wakaf. Ini menunjukkan, dalam pendekatan Islam juga mengakui antara amalan yang digalakkan dan dianugerahkan pahala berpanjangan oleh Allah s.w.t adalah galakan kepada pemilik harta untuk menginfakkan harta tersebut untuk kebaikan, iaitu di jalan Allah (*infaq fi sabillah*). Justeru, Wujudnya wakaf itu juga adalah sebagai satu mekanisme untuk penjanaan, perpindahan dan pengagihan kekayaan harta dalam masyarakat Islam.

Dalam perkembangan dan memperkasakan pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganugerahkan kuasa autonomi kepada lima universiti awam yang bertujuan bagi memastikan institusi ini berupaya dalam membina reputasi tinggi, berdaya saing dan bersedia bertindak secara seiring dengan perkembangan global. Oleh yang demikian, wakaf merupakan salah satu cara yang dapat membantu institusi pengajian tinggi dalam menjana pendapatan dan manfaat yang boleh digunakan bagi tujuan peningkatan dan kemajuan pendidikan negara. Di Malaysia, wakaf tradisional banyak dipraktikkan terutama dalam mewakafkan tanah, bangunan dan masjid. namun, bagi wakaf di institusi pengajian tinggi ini lebih kepada wakaf tunai.

Objektif kajian adalah untuk meninjau keperluan kepada satu kaedah pengurusan dana wakaf institusi pendidikan yang baik dari aspek kutipan dan perbelanjaan serta dapat memberikan manfaat dana wakaf yang berterusan dalam jangka panjang.

Artikel ini dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu bahagian pertama menerangkan pendahuluan dan pengenalan. Kedua, merujuk kepada kajian lepas. Ketiga, menerangkan metodologi yang digunakan. Keempat, menerangkan perolehan dan dapatan dari kajian yang telah dilakukan. Kelima, menjelaskan cadangan dan implikasi dasar. Keenam, merupakan kesimpulan dari hasil kajian yang dilakukan.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian mengenai wakaf pendidikan telah dilakukan. Dalam kajian-kajian lepas ada menyatakan konsep wakaf telah dipraktikkan sejak dari sebelum kedatangan Islam. Murat Cizakca (1998) juga ada menyatakan, berkemungkinan wakaf telah bermula dan dipengaruhi oleh tamadun awal yang merujuk kepada era Mesopotamia, Greek, Rom dan juga orang-orang Arab pra Islam. Salah sebuah negara yang cemerlang dalam pembangunan wakaf ialah Turki terutamanya pada zaman kerajaan Uthmaniyyah. Pada zaman tersebut, pendapatan wakafnya pernah dinyatakan sebanyak satu pertiga kepada separuh daripada keseluruhan jumlah pendapatan negeri tersebut (Murat Cizakca, 2014). Institusi wakaf juga telah dibuktikan di dalam sejarah adalah sebuah institusi yang penting dalam pengagihan kekayaan menurut Marshall G.S. Hodgson (1974).

Bagi wakaf institusi pula, ia dibuktikan dalam kajian oleh Razali Othman (2005) yang menyatakan kejayaan dana endowmen di kalangan masyarakat barat, iaitu dana endowmen yang dimiliki oleh Oxford dan Cambridge masing-masing bernilai USD3.2 bilion pada tahun 2003. Keperluan tadbir urus wakaf yang disokong dengan perundangan bersesuaian turut dinyatakan oleh Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2010).

Dalam kajian-kajian tersebut didapati tidak terdapat banyak kajian yang membincangkan aspek dana wakaf pendidikan di peringkat institusi pengajian tinggi secara jelas. Kajian ini menampilkkan beberapa perbezaan dengan kajian-kajian lain yang berkaitan wakaf kerana objektif utama kajian ini adalah menjelaskan peranan dan kepentingan dana wakaf kepada institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia yang kurang dibincangkan dalam kajian terdahulu di negara ini. Dalam kajian ini, pendekatan yang digunakan adalah bagi menghasilkan satu cara dan tadbir urus yang cekap bagi memastikan dana wakaf ini dapat dijayakan dan menghasilkan pendapatan dan pulangan yang memberangsangkan. Ia juga mengambil kira pengoperasian dana wakaf pendidikan tinggi secara holistik. Dengan mengambil kira pengalaman yang diperoleh dari beberapa institusi pengajian tinggi tempatan yang di analisa dan digabung bagi menghasilkan satu cara memperkasakan unit wakaf institusi pengajian tinggi dan menghasilkan manfaat yang lebih besar dan diagih-agihkan bagi tujuan pelaksanaan projek dan pemantapan pendidikan tinggi termasuk tujuan kebajikan pelajar dan warga institusi. Ia berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2010) dalam kajiannya menjurus lebih kepada cadangan program wakaf di sekolah bagi tujuan meningkatkan kutipan dana dan dapat dimanfaatkan bagi tujuan kecemerlangan pendidikan sekolah.

Kajian ini juga akan dapat membantu dan membimbing pihak yang terlibat bagi

penambahbaikan pengurusan wakaf yang sedia ada di IPT untuk memastikan manfaat wakaf itu dapat ditingkatkan dan dimanfaatkan dengan efisien setiap tahun. Perlu dijelaskan bahawa peranan wakaf amat penting dalam penjanaan ekonomi dan pembangunan negara memandangkan setiap perbelanjaan pendidikan adalah sangat besar. Oleh yang demikian, melalui aspek wakaf, ia dapat menampung keperluan perbelanjaan pendidikan negara yang semakin meningkat dan tidak hanya bergantung kepada peruntukan dana oleh kerajaan semata-mata. Dana wakaf itu sendiri sebenarnya boleh dikembangkan dan dilaburkan bagi menjana keuntungan bagi tujuan pembangunan ekonomi.

Ini dikuatkan oleh pendapat salah seorang fuqaha seperti Muhammad 'Abdullah al-Ansari iaitu salah seorang daripada sahabat Zufar berpendapat bahawa harus wang wakaf dilaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan dan hasil pelaburan tersebut perlu manfaatkan melalui sedekah atau wakaf. Begitu juga selain daripada wang iaitu barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang juga boleh diwakafkan di mana hasil jualan barang wakaf akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan. (Asmak Ab Rahman, 2009). Namun terdapat juga kajian oleh Baharudin Sayin (1994) berpendapat bahawa tidak terdapat wakaf khas dari segi pendidikan kecuali tiga (3) perkara iaitu tanah, bangunan dan kenderaan. Pelaksanaan wakaf di Malaysia masih lagi perlahan disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah aspek perundangan. Di dapatkan tidak adanya keselarasan dari segi undang-undang dan pentadbiran mengenai wakaf di antara negeri-negeri di Malaysia (Nik Mustafa Nik Hassan, 1999). Namun, usaha ke arah penambahbaikan sedang dilakukan secara berperingkat.

Melalui pengurusan wakaf yang cekap, adalah dijangkakan ia dapat membantu dalam pembangunan pendidikan negara. Ini adalah kerana aspek pendidikan merupakan satu pelaburan modal insan dan amat memerlukan satu sumber dana yang tertentu bagi menghasilkan satu modal insan yang berkualiti melalui penyediaan kemudahan serta prasarana atau tenaga pengajar di sesebuah sekolah mahupun di institut pengajian tinggi (Brimley & Garfield, 2008). Ini dapat dicapai melalui satu perancangan pendidikan yang konkret dan mantap sama ada jangka pendek atau jangka panjang (Kamarudin Ngah, 1992). Justeru, merujuk kepada beberapa kajian lepas, didapati tiada kajian yang khusus membincangkan aspek wakaf di institusi pengajian tinggi serta cadangan serta panduan bentuk model pengurusan dan tadbir urus dana wakaf bagi menjamin manfaat berpanjangan.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu satu pendekatan untuk mengumpul data-data penyelidikan dengan menggunakan kaedah sesi temu bual dan pemerhatian tahun 2014. Data-data yang dikaji termasuklah data mengenai aspek pengurusan, prosedur pentadbiran, perkembangan, sumbangan dan pengurusan hasil manfaat dalam dana wakaf institusi pendidikan tinggi diperoleh melalui lawatan dan sesi temu bual pengkaji ke beberapa institusi pengajian tinggi yang telah dikenal pasti.

Kajian ini adalah dengan membuat perbandingan secara deskriptif serta kualitatif melibatkan prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007) dan menggunakan kaedah tertentu secara fundamental kepada pengamatan manusia di lokasi kawasan kajian serta berkait dengan responden dalam kawasan kajian tersebut mengikut gaya bahasa tertentu (Kirk & Miller, 1986). Justeru, kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung terhadap responden iaitu melibatkan pegawai yang menguruskan dana wakaf di IPT. Data-data telah diperoleh melalui lawatan serta temu bual pengkaji ke beberapa institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, maklumat dan data yang diperoleh adalah sangat terhad, kerana faktor kerahsiaan bagi beberapa institusi pengajian tinggi yang dipilih. Beberapa institusi pengajian tinggi dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria iaitu berlainan negeri (Selangor dan Negeri Sembilan), Majlis Agama Islam Negeri berlainan (Selangor Dan Negeri Sembilan), tahun penubuhan serta kewujudan aktiviti wakaf dijalankan di institusi berkenaan. Justeru beberapa IPT telah dipilih iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putera Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Temu bual yang dijalankan melibatkan empat responden institusi pengajian tinggi awam. Para responden yang terlibat merupakan responden di kalangan pengarah, pengurus dan pegawai di unit berkaitan dengan wakaf yang bertugas secara langsung dari awal penubuhan. Mereka juga berpengalaman di antara 2 hingga 14 tahun di unit tersebut, bergantung kepada tempoh penubuhan unit wakaf di sesebuah institusi kerana institusi wakaf itu sendiri masih baru. Berdasarkan kepada faktor ini, maka adalah sesuai untuk para responden ini di temu bual dan ia melibatkan di kalangan mereka yang telah lama terlibat dan juga di kalangan peneraju awal penubuhan unit wakaf institusi yang berkenaan. Di antara perkara yang diusulkan dalam sesi temu bual tersebut ialah perancangan jangka

pendek dan jangka panjang, amalan pentadbiran dan pengurusan wakaf, perlaksanaan pengembangan dana, perlaksanaan projek, skop kutipan wakaf serta potensi dana wakaf.

Satu sesi temu bual dengan pihak Perbadanan Wakaf Selangor juga telah diadakan bagi memastikan kajian berkaitan wakaf ini selari dengan konsep asas wakaf dan perundangan asas wakaf bagi sesebuah negeri.

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan hasil kajian ini adalah membandingkan beberapa aspek pengurusan institusi seperti berikut iaitu;

**Perbandingan pentadbiran:** Berdasarkan Jadual 2, UIAM telah menubuhkan institusi wakaf di bawah dana *Islamic Endowment* dan sehingga kini mempunyai bilangan kakitangan seramai 10 orang. UKM pula telah menubuhkan unit wakafnya pada tahun 2010 dan memiliki bilangan kakitangannya seramai 5 orang dan sedang dalam proses didaftarkan dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Institusi wakaf di UPM pula telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan kini mempunyai bilangan kakitangan seramai 3 orang. Perlu dijelaskan bahawa institusi wakaf di ketiga-tiga universiti ini adalah di bawah jabatan tertentu seperti Unit Zakat, Yayasan Canselor ataupun unit Bendahari. Manakala USIM pula mempunyai institusi wakaf dikenali sebagai Pusat pembiayaan dan Pembangunan Wakaf dan baru ditubuhkan pada tahun 2013. Institusi ini mempunyai seramai 6 orang kakitangan dan merupakan satu unit yang berasingan dan tidak sama seperti ketiga-tiga universiti dalam perbincangan sebelum ini. Kesemua institusi ini memiliki pejabat urusannya sendiri serta memiliki ahli jawatankuasa majlis bagi memantau urusan dan aktiviti yang dijalankan.

**Perbandingan skop kutipan dana wakaf:** Merujuk Jadual 3, UIAM membuat kutipan secara menyeluruh merangkumi sumbangan dalam negara dan luar negara; UPM hanya melibatkan kutipan dana wakaf dalam negara sahaja; USIM pula menumpukan kepada dana dalam negara dan luar negara (kecuali Alumni). Kajian ini mendapati aktiviti kutipan dana wakaf UKM adalah tidak menyeluruh kerana setakat ini, didapati unit ini tiada mendapat kutipan dari luar negara dan tiada kutipan dari badan-badan korporat. Dana wakaf UKM sehingga setakat ini hanya menumpukan kepada sumber dalaman sahaja iaitu dana wakaf daripada warga serta kakitangan UKM

**Perbandingan perancangan projek dan penjanaan pulangan harta wakaf:** Dalam aspek ini, kajian ini mendapati UIAM amat proaktif dalam aktiviti ini. Contohnya pihak UIAM telah mendapat dana sumbangan wakaf daripada Tan Sri Azman Hashim sebanyak RM6.3 juta dan walaupun sehingga projek tersebut siap sepenuhnya, kos tersebut telah mencecah sebanyak RM7 juta. Antara projek lain yang telah disiapkan seperti Kompleks Tan Sri Azman Hashim dan penginapan fasa 1, dan banyak lagi projek yang sedang diusahakan di dalam perancangan jangka pendek dan panjang. Namun, jika dibandingkan dengan perancangan wakaf UKM, kajian mendapati UKM masih belum dapat mendapatkan dana wakaf luar kerana masih sedang dalam proses pengukuhan institusi wakaf melalui kutipan dana wakaf dalaman. Kajian mendapati UPM telah mula mengorak langkah tersebut dengan beberapa pelaksanaan projek wakaf contohnya projek membangunkan kompleks komersial dan tempat letak kereta di Hospital Serdang. Akhirnya USIM juga tidak ketinggalan di mana institusi wakaf telah proaktif mengusahakan perancangan yang teliti contohnya perancangan pembangunan projek kompleks komersial, klinik kesihatan (pakar), klinik dialisis dan hotel penginapan. Jadual 4 menunjukkan secara perbandingan perancangan projek menggunakan dana wakaf yang sedang diusahakan oleh institusi tersebut.

**Perbandingan jumlah dana wakaf dan hasil perolehan manfaat tahunan dana wakaf:** Merujuk kepada Rajah 2, ia menunjukkan jumlah wakaf yang telah terkumpul dan dimanfaatkan. Kajian ini mendapati UIAM memiliki dana wakaf tertinggi iaitu sebanyak RM7 juta dalam bentuk projek bangunan kompleks komersial, manakala UPM pula memiliki dana wakaf sebanyak RM4.2 juta yang di simpan di dalam perbankan patuh syariah di bawah universiti, USIM mempunyai RM2.5 juta dalam bentuk pembiayaan pembinaan bangunan dan wakaf tunai yang dikumpulkan dalam akaun patuh syariah universiti dan akhirnya UKM memiliki dana wakaf tunai sebanyak RM300,000 sahaja. Merujuk kepada Rajah 3 pula, daripada beberapa universiti yang dikaji, hanya dua universiti telah berjaya memperolehi hasil perolehan manfaat tahunan, iaitu UIAM dan UPM. UIAM contohnya telah memperolehi sebanyak RM500,000 setahun hasil daripada sewaan kompleks komersialnya. Kajian ini mendapati UIAM telah memanfaatkan perolehan ini untuk menaja dan membayai pelajar yang amat

memerlukan dan cemerlang dalam bidang pengajian mereka seperti yang telah dipersetujui oleh pewakaf. Ia merangkumi pembiayaan yuran pengajian dan asrama, elaun sara diri, seunit komputer riba dan elaun buku. Manakala UPM pula telah memperoleh hasil manfaat dari deposit simpanan menggunakan kontrak *mudharabah* sebanyak RM200,000.00 setahun dan sedang dalam perancangan untuk memberikan pembiayaan kepada pelajar yang memerlukan. USIM pula belum memperoleh sebarang perolehan manfaat kerana ia baru saja ditubuhkan dan akhirnya UKM juga masih belum memperoleh sebarang perolehan manfaatnya.

Berdasarkan kepada perbandingan ini, kajian ini mendapati prestasi setiap institusi wakaf adalah berbeza, jika dilihat dari segi tahun awal penubuhan unit wakaf, ia tidak menjamin kutipan yang lebih tinggi. Begitu juga dari segi kedudukan negeri juga tidak memberikan kelebihan, namun sokongan dari MAIN dalam bentuk bantuan bimbingan dan dana wakaf, akan memberikan kesan yang besar. Namun, sesebuah unit wakaf atau organisasi itu akan lebih cekap sekiranya semua kakitangan yang terlibat memberikan kerjasama sepenuhnya dalam kerja masing-masing. Kajian ini menunjukkan institusi wakaf di UIAM agak terkehadapan dalam pengurusan dana wakaf berbanding universiti lain.

## CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Pengurusan dengan tadbir urus yang cekap, dapat memastikan organisasi atau institusi dapat menjalankan proses memproduktifkan harta/simpanan dana wakaf. Ini adalah kerana para pewakaf inginkan dana tersebut diuruskan agar mendapat pahala yang berterusan daripada wakaf ini. Ini ditambah lagi dengan nilai sebenar wang yang menyusut setiap tahun akibat inflasi berterusan. Justeru dana wakaf perlu diproduktifkan dan digunakan tanpa memberikan kesan kepada penyusutan nilai wang tersebut, contohnya membuat pelaburan yang berpotensi mendapat pulangan yang besar dan memberi manfaat kepada masyarakat atau sekurang-kurangnya mendepositkan ke dalam akaun simpanan tetap berkONSEP *mudharabah*. Ini juga untuk memastikan dana wakaf yang diperoleh bertambah nilainya secara berperingkat sama ada hasil daripada perolehan kutipan atau daripada manfaat dana wakaf itu sendiri.

Kajian oleh Kamarulzaman (2005) mendapati pembangunan harta wakaf memerlukan sumber dana kewangan yang besar dan tinggi jumlahnya. Walaupun tujuan asal kontrak wakaf itu sendiri adalah untuk memberikan manfaat kepada masyarakat, namun dana wakaf perlu di bangunkan agar aset tersebut berkembang agar dapat menambahkan kuantiti dan kualiti manfaat serta kebajikan masyarakat. Berdasarkan kepada Rajah 3 dan Jadual 2, Kajian ini mendapati secara umumnya bilangan kakitangan sesebuah institusi zakat tidak memberikan kesan yang signifikan kepada jumlah kutipan yang diperoleh. Ia dapat dilihat kepada jumlah perolehan wakaf oleh UPM yang hanya mempunyai tiga orang kakitangan namun dapat mengumpulkan dana wakaf sebanyak RM4.2 juta berbanding UKM yang mempunyai lima orang kakitangan dengan dana wakaf yang dikumpulkan hanya berjumlah RM300,000.00 sahaja.

Perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang jelas amat diperlukan bagi sesebuah institusi wakaf bagi memastikan segala perancangan dapat dijalankan dengan cekap. Ia juga yang dapat memotivasi kakitangan dengan meletakkan sasaran yang jelas selaras dengan matlamat organisasi tersebut. Bagi institusi pengajian tinggi, amat kerap berlaku pertukaran pengarah atau pihak tertinggi di dalam jabatan yang sedikit sebanyak berkemungkinan menjelaskan prestasi pengurusan dana wakaf. Oleh itu, amat penting bagi kakitangan yang berada di dalam jabatan tersebut benar-benar faham hala tuju jabatan tersebut bagi memastikan segala usaha dan perancangan yang telah ditentukan dapat diteruskan selari dengan konsep dana wakaf itu sendiri. Ini kerana, dana wakaf ini masih dikategorikan sesuatu yang agak baru, dan masyarakat belum benar-benar memahami bagaimana peraturan yang tertakluk kepada pengurusan wakaf yang perlu berlandaskan kepada syariah.

Struktur dalam organisasi wakaf juga harus jelas di mana bagi memastikan dana wakaf ini dapat dikembangkan dan dikomersialkan. Beberapa perkara wajib di dalam pentadbiran perlu dititikberatkan seperti keperluan kepada perancangan perniagaan dan korporat (dalam negeri dan antarabangsa), unit kewangan dan pengurusan yang cekap. Keperluan kepada sokongan dan kerjasama dari semua jabatan di dalam institusi pengajian juga amat penting, di mana sekiranya memiliki sebarang projek, ia boleh dilibatkan dengan mendapatkan kepakaran dari jabatan lain atau dari anak syarikat universiti. Ia merupakan satu kelebihan di mana institusi pengajian tinggi sebenarnya telah memiliki kepakaran yang lengkap, yang membolehkan unit dana wakaf boleh merujuk bagi mendapatkan idea dan nasihat bagi seberang projek-projek yang akan dan sedang dilakukan.

Menurut Cheah dan Yap (1999) dan Sheridan dan Kendall (1992) menjelaskan bahawa sistem tadbir urus yang baik harus terdiri daripada satu sistem struktur, operasi dan mengawal syarikat untuk mencapai objektif berikut: memenuhi matlamat strategik jangka panjang; pertimbangan dan menjaga

keperluan alam sekitar; dan masyarakat tempatan, termasuk interaksi ekonomi dan kebudayaan bertujuan untuk mengekalkan hubungan yang sangat baik seperti tahap kualiti dan perkhidmatan, prosedur penyelesaian akaun dan lain-lain serta Mengelakkan pematuhan dengan semua keperluan undang-undang dan peraturan di mana syarikat beroperasi. Dalam erti kata lain, sistem tadbir urus korporat yang berkesan perlu menyediakan satu mekanisme untuk mengawal selia tugas dan pengarah bertanggungjawab untuk menghalang mereka daripada penyalahgunaan kuasa, memastikan mereka bertindak demi kepentingan terbaik syarikat dan untuk menyedari apakah kesan syarikat pada komuniti perniagaan dan alam sekitar.

Kajian ini mencadangkan beberapa isu antaranya iaitu:

**Unit dana wakaf yang berasingan:** Kelebihan kepada unit yang berasingan ini adalah ia akan lebih fokus kepada misi penuh, objektif mudah tercapai dengan lebih cepat, keputusan dapat dibuat dengan lebih pantas dan cekap, tiada persaingan peruntukan tahunan, kredibiliti lebih tinggi (seperti keperluan kerjasama dengan jabatan berkaitan dalam projek yang dijalankan), dan potensi unit dapat ditonjolkan dengan baik bagi mendapatkan keyakinan pewakaf di atas keberkesanan perancangan dan projek wakaf yang dilaksanakan. Bagi unit wakaf yang baru, keperluan kepada gabungan dengan unit zakat atau sumbangan bagi memastikan unit wakaf dapat di promosi dan berkembang dengan cepat.

**Harta wakaf diproduktif dan dikomersialkan:** Dalam usaha meningkatkan hasil dana wakaf, penglibatan secara komersial seperti membangunkan bangunan-bangunan perniagaan untuk disewa, memajukan projek-projek perumahan dan perniagaan runcit (seperti stesen minyak) dan perhotelan. Hasil tersebut mampu untuk meningkatkan perolehan dana wakaf seperti hasil bayaran sewaan dan keuntungan bank dari akaun tetap dan semasa. Antara usaha lain yang boleh dilakukan ialah dengan melaburkan di dalam saham korporat, pertanian dan perikanan, projek-projek perkhidmatan kesihatan dan kemudahan, dan lain-lain lagi

**Rangkaian hubungan yang luas:** Jalinan rangkaian dan hubungan yang luas seperti dengan pihak dana wakaf yang lain. Ini kerana dana wakaf institusi pendidikan tinggi ini tidak mewujudkan persaingan daripada segi dana wakaf institusi kecuali dalam usaha-usaha meraih wakaf dari syarikat-syarikat korporat. Hubungan yang baik dengan syarikat-syarikat korporat dalam dan luar negara, pelopor wakaf yang telah maju ke depan seperti JohorCorp dan berbagai-bagai lagi adalah amat penting.

**Sokongan dan bimbingan dari pihak berkaitan:** Pemantauan dari pihak Majlis atau Perbadanan haruslah merangkumi kepada khidmat nasihat dan bimbingan, tidak hanya kepada mendapatkan laporan dan jumlah kutipan sahaja. Pihak yang berkait rapat adalah MAIN, PWS dan Lembaga Zakat Negeri.

**Memperluaskan skop kutipan:** Adanya jalinan rangkaian yang luas dengan banyak pihak, pasti skop kutipan wakaf juga boleh diperluaskan. Kutipan tidak bergantung hanya kepada warga kakitangan dan pelajar institusi itu sendiri, tetapi juga dari mana-mana syarikat atau individu dalam negara malahan hingga ke luar negara juga boleh diperoleh dan diterima. Bagi perolehan dana yang lebih besar, perlu adanya kekuatan dalam persediaan perancangan kertas cadangan yang lengkap dari permulaan hingga kepada perjalanan projek selepas disiapkan merangkumi sebab keperluan projek dijalankan hingga kepada bagaimana pengurusan perolehan akan digunakan. Ia diperlukan bagi menambahkan keyakinan institusi korporat yang mahu menyumbang atau membayai projek-projek yang hendak dilaksanakan menggunakan dana yang besar.

Kajian ini menjangkakan kesan pembangunan dana wakaf kepada sosioekonomi dan masyarakat sekitar ialah apabila sesuatu projek itu dijalankan, ia turut memberikan peluang pekerjaan, penjanaan pendapatan dan perkhidmatan infrastruktur asas yang semakin baik (contohnya jalan raya berturap yang baik, perkhidmatan pengangkutan awam, elektrik, bank dan pejabat pos berdekatan). Malah menurut Kamarulzaman (2005) terdapat banyak hadis Nabi dan Sirah para sahabat dan tabib tabiin menunjukkan kejayaan umat Islam terdahulu dalam bidang ekonomi kerana pembangunan harta wakaf secara optimum.

## KESIMPULAN

Aktiviti pengembangan wakaf dan zakat ada memiliki kesamaan, kecuali dari cara penggunaan

keuntungan/manfaat yang berbeza. Contohnya, penerima zakat mestilah di kalangan orang Islam, manakala manfaat wakaf boleh diterima oleh bukan Islam. Dalam usaha menaikkan kepentingan wakaf dalam institusi, ia perlu digabungkan dengan unit zakat pada permulaannya sebagai pemangkin kepada pengembangannya dengan memperoleh peratusan tertentu dari projek yang diusahakan. Apabila pengurusan dan operasi wakaf sudah stabil, barulah ia boleh diasingkan jika diperlukan. Adalah lebih baik sekiranya ia digabungkan dalam pengembangan aktiviti zakat tersebut kerana banyak projek boleh dilaksanakan dengan dana yang lebih besar. Pentadbiran wakaf perlu diasingkan bagi memfokuskan mereka kepada hal-hal berkaitan wakaf itu sendiri sama ada cara-cara meningkatkan kadar kutipan, penentuan pengagihan biaya pendidikan pelajar dan sebagainya. Keperluan kepada tadbir urus yang baik dan cekap oleh unit wakaf adalah amat diutamakan. Kerana, dengan kecekapan itu maka wakaf akan dapat terus berkembang dan membangun dengan cepat. Kerana peranan dan kepentingan wakaf di dalam institusi pengajian tinggi adalah amat diperlukan.


## RUJUKAN

- Asmak Ab Rahman (2009), *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia, Shariah Journal*, Vol. 17, No. 1 (2009) 113-152
- Baharudin Sayin (1994) *Sistem Pentadbiran Wakaf Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia: Satu Kajian*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bajet 2014, Kementerian Kewangan Malaysia.
- Cheah & Yap (1999), *Perspective on Corporate Governance and Management*, MAICSA & Star Publications
- Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kamarulzaman Sulaiman (2005), *Isu-Isu Dan Pelaksanaan Wakaf di Negara-negara Islam*, Penyt: Abdul Halim Ramli & Ahmad Che Yaacob, *Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)UiTM
- Larry L. Leslie & Garey Ramey (Mar. - Apr., 1988), *Donor Behavior and Voluntary Support for Higher Education Institutions*, The Journal of Higher Education, Vol. 59, No. 2, pp. 115-132
- Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (1999) *Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi: Satu Analisis*, Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya
- Sheikh Ghazali Abod (2002), *Towards An Islamic Corporate Governance*, Penyt: Nik Mustapha Hj Nik Hassan, Sheikh Mohd Saifuddeen Sheikh Mohd Salleh, *Corporate Governance From The Islamic Perspective*, Kuala Lumpur, Institut of Islamic Understanding Malaysia.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2010). *Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Malaysia. Bangi*: Pusat Siswazah Perniagaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1:Peruntukan Perbelanjaan Kerajaan Untuk Kementerian Pendidikan 2010 Hingga 2014



RAJAH 2: Jumlah wakaf hingga Mac 2014  
Sumber; Kajian Lapangan



RAJAH 3: Perolehan manfaat tahunan  
Sumber: Kajian Lapangan

JADUAL 1: Peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (2013-2014)

Tahun	RM (bilion)
2013	7.28
2014	7.31

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia 2014

JADUAL 2: Ringkasan maklumat wakaf IPTA – hingga April 2014

Bil	Perkara/Institusi	Selangor - MAIS/PWS			N. Sembilan – MAINS
		UIA	UKM	UPM	
<b>Pentadbiran</b>					
1	Tahun Penubuhan	<b>1999</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2013</b>
2	Bilangan Kakitangan terkini	<b>10</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>6</b>
3	Pecahan bilangan kakitangan kepada unit				
	a. Pengarah	1	1		1
	b. Pengurus/Penyalaras	3			2
	c. Pegawai/ Pendaftar		1	1	2
	d. Pegawai Akaun			1	
	e. Kakitangan Sokongan (Pem Tadbir) Unit gabungan (e.g: Zakat,	6	3	1	1
4	Bendahari,HEP)	Ya	Ya	Ya	Tidak
5	Pejabat sendiri	Ya	Ya	Ya	Ya
6	Pemantauan oleh badan penasihat/J.kuasa	Ya	Ya	Ya	Ya
7	Berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri	Tidak	tamat	Ya	Ya
8	Berdaftar dengan Perbadanan Wakaf Negeri	Tidak	Ya	Tidak	Tidak

Sumber: Kajian Lapangan

JADUAL 3: Skop Kutipan Dana Wakaf

Skop Kutipan Dana Wakaf	UIA	UKM	UPM	USIM
1 Kakitangan / pelajar	Ya	Ya	Ya	Ya
2 Alumni	Ya	Ya	Ya	Tidak
3 Korporat	Ya	Tidak	Ya	Ya
4 Sumber sumbangan dari Dalam Negara	Ya	Ya	Ya	Ya
5 Sumber sumbangan dari Luar Negara	Ya	Tidak	Tidak	Ya

Sumber: Kajian Lapangan

## JADUAL 4:Perancangan Pengembangan Dana

<b>Perancangan pengembangan dana</b>	<b>UIA</b>	<b>UKM</b>	<b>UPM</b>	<b>USIM</b>
1 Cadangan Projek	Ya	Tidak	Ya	Ya
2 Projek masih dalam perancangan	Ya	Tidak	Ya	Ya
3 Projek telah siap - kompleks komersial, penginapan fasa 1	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
4 Projek tambahan dalam pelaksanaan	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
5 Masih belum ditentukan	Tidak	Ya	Tidak	Tidak
6 Ada perancangan jangka pendek	Ya	Tidak	Ya	Ya
7 Ada perancangan jangka panjang	Ya	Ya	Ya	Ya

Sumber: Kajian Lapangan

## JADUAL 5:Cadangan Projek

<b>Cadangan Projek</b>	<b>UIA</b>	<b>UKM</b>	<b>UPM</b>	<b>USIM</b>
<b>1 Projek Fizikal</b>				
a <i>Kompleks komersial</i>				
a. Siap	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
b. Dalam perancangan	Tidak	Tidak	Ya	Ya
b <i>Dalam perancangan</i>				
Hostel	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
Hotel	Tidak	Tidak	Tidak	Ya
tempat letak kereta	Tidak	Tidak	Ya	Ya
<b>2 Projek Perkhidmatan</b>				
a <i>Dalam perancangan</i>				
klinik kesihatan (pakar)	Tidak	Tidak	Tidak	Ya
klinik Dailisis	Tidak	Tidak	Tidak	Ya

Sumber: Kajian Lapangan